



**PERUTUSAN TAHUN BAHARU 2022  
KETUA PENGARAH  
AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

**TEMPAT : TEATHERATE  
TARIKH : 31 DISEMBER 2021  
MASA : 9 MALAM**

*Lebih Baik Cegah*

**#DadahTerkawal2025**



[WWW.ADK.GOV.MY](http://WWW.ADK.GOV.MY)



[AGENSIAANTIDADAHKEBANGSAANMALAYSIA](https://www.facebook.com/AGENSIAANTIDADAHKEBANGSAANMALAYSIA)



[AADK.MALAYSIA](https://www.instagram.com/AADK.MALAYSIA)



[AADKMALAYSIA](https://twitter.com/AADKMALAYSIA)



[MIRAADK](https://www.youtube.com/MIRAADK)

HOTLINE AADK

[03-8911 2233](tel:03-89112233)

[019 626 2233](tel:0196262233)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, segala puji-pujian hanyalah kepada Allah SWT, Tuhan Yang Maha Esa bagi semesta alam.
2. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Rasulullah Nabi Muhammad S.A.W serta isteri-isteri dan sahabat-sahabat baginda.
3. Marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya jua, kita dapat bersama-sama mengecapi Tahun Baharu Masihi 2022.
4. Saya dan barisan Pengurusan Tertinggi AADK mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2022 kepada seluruh warga AADK di serata pelusuk tanah air.
5. Semoga kehadiran tahun baharu ini akan memberikan lagi semangat kepada kita semua untuk menggalas amanah dan tanggungjawab dengan penuh komitmen dan lebih berdedikasi dalam meningkatkan pencapaian prestasi agensi sepanjang tahun 2022 ini.

*Lebih Baik Cegah*

#DadahTerkawal2025



WWW.ADK.GOV.MY



AGENSINTIDADAHKEBANGSAANMALAYSIA



AADK.MALAYSIA



AADKMALAYSIA



MIRAADK

HOTLINE AADK

03-8911 2233

019 626 2233

6. Saya bersama barisan kepimpinan tertinggi AADK juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan penghargaan kepada seluruh warga AADK atas komitmen, keazaman dan kerja berpasukan yang ditunjukkan ketika melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan sepanjang tahun 2021 yang lepas.
7. Kerjasama yang erat dan kerja sebagai satu pasukan yang jitu di setiap peringkat telah membolehkan AADK melaksanakan setiap program yang dirancang dengan jayanya meskipun negara kita dilanda pandemik Covid-19 dan bencana alam seperti banjir besar yang berlaku di beberapa negeri pada tahun 2021.
8. Segala cabaran telah kita harungi bersama, dan adakalanya kita perlu mengubah suai program bagi memastikan perkhidmatan agensi kepada masyarakat tidak terjejas, lebih-lebih lagi dengan keperluan bekerja berlandaskan norma baharu semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN).
9. Oleh yang demikian, tidak dinafikan bahawa kejayaan yang diperolehi pada hari ini adalah hasil usaha kita secara kolektif, baik di peringkat kumpulan pelaksana, profesional dan pengurusan utama, yang bersama-sama menggerakkan kefungisian agensi tanpa rasa penat lelah dan putus asa dalam mencurahkan bakti, dan dengan tekunnya terus menyumbang idea untuk menambah baik perkhidmatan AADK kepada masyarakat dan negara.

*Lebih Baik Cegah*

#DadahTerkawal2025



WWW.ADK.GOV.MY



AGENSINTIDADAHKEBANGSAANMALAYSIA



AADK.MALAYSIA



AADKMALAYSIA



MIRAADK

HOTLINE AADK

03-8911 2233

019 626 2233

## PENCAPAIAN TAHUN 2021

### Warga AADK sekalian,

10. Sepanjang tahun 2021, banyak kekangan yang dihadapi susulan penularan jangkitan virus Covid-19. Bermula dengan kawalan rentas negeri dan daerah sehingga membawa kepada bekerja dari rumah (BDR) semasa PKP dan Perintah Darurat. Keadaan diburukkan lagi dengan penutupan sementara beberapa PUSPEN berikutan wabak virus Covid-19 di dalam institusi.
11. Jumlah staf dan klien PUSPEN yang disahkan positif virus Covid-19 bagi tahun 2021 adalah sebanyak 1,464 kes. Daripada jumlah tersebut, 1,459 orang telah sembuh, seorang meninggal dunia dan ketika ini 6 kes masih aktif.
12. Bagi ibu pejabat, Pusat Latihan AADK (PLAK), pejabat negeri dan pejabat daerah AADK pula, kes positif Covid-19 adalah sebanyak 365 kes, yang mana 352 orang telah sembuh, tiga kematian dan 10 kes lagi masih aktif.
13. Sebagai langkah pencegahan jangka panjang penularan wabak Covid-19 dan pematuhan kepada **Dasar Pelaksanaan Imunisasi Covid-19 Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan**, AADK juga telah menggerakkan usaha bagi memastikan semua warga dan klien menerima suntikan vaksin Covid-19.

*Lebih Baik Cegah*

#DadahTerkawal2025



WWW.ADK.GOV.MY



AGENSINTIDADAHKEBANGSAANMALAYSIA



AADK.MALAYSIA



AADKMALAYSIA



MIRAADK

HOTLINE AADK

03-8911 2233

019 626 2233

14. Sehingga hari ini, seramai 5,840 orang warga AADK ataupun 99.8 peratus telah lengkap menerima 2 dos vaksin Covid-19. Sebilangan besar daripada mereka telah menerima suntikan dos penggalak. Terdapat 27 orang staf AADK yang masih enggan mengambil vaksin Covid-19.
15. Kepada 27 orang staf AADK yang masih enggan mengambil vaksin Covid-19, saya menggesa anda semua untuk segera mengambil vaksin Covid-19 bagi melindungi diri dan keluarga anda. Sebagai peringatan, setiap penjawat awam persekutuan **telah diwajibkan** untuk mengambil vaksin Covid-19.
16. Sementara itu, sejumlah 95 peratus atau, 4,191 orang klien dalam institusi AADK telah lengkap menerima 2 dos vaksin Covid-19. Sebilangan daripada mereka telah menerima suntikan dos penggalak. Baki daripada jumlah tersebut belum lagi diberikan vaksin atas faktor kesihatan.

### **Warga AADK sekalian,**

17. Sungguhpun terdapat kekangan yang dihadapi, AADK tetap berjaya melaksanakan program-program dan aktiviti yang dirancang dalam bidang rawatan dan pemulihan klien, bidang pencegahan dan bidang penguatkuasaan undang-undang yang disesuaikan dengan keperluan

*Lebih Baik Cegah*

#DadahTerkawal2025



WWW.ADK.GOV.MY



AGENSINTIDADAHKEBANGSAANMALAYSIA



AADK.MALAYSIA



AADKMALAYSIA



MIRAADK

HOTLINE AADK

03-8911 2233

019 626 2233

bagi memenuhi norma baharu bekerja dan pematuhan kepada SOP PKP yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan.

18. Begitu juga halnya dengan penganjuran dan penyertaan program-program di peringkat antarabangsa yang turut berjaya disempurnakan meskipun dilakukan dalam suasana norma baharu.
19. Dalam tempoh PKP bermula dari Mac 2020 sehingga ke hari ini, PUSPEN di seluruh negara dan Perkhidmatan Hotline AADK tetap beroperasi 24 jam, 7 hari seminggu. Terima kasih diucapkan kepada petugas barisan hadapan AADK atas dedikasi dan komitmen anda melaksanakan tanggungjawab ini.
20. Untuk tahun 2021, AADK telah merawat pulih seramai **15,295 orang klien dalam komuniti**. Kesemua klien ini telah dinilai menerusi kaedah *Cure and Care Recovery Index* (CCRI). Bagi tempoh Januari hingga November 2021, seramai **9,808 orang klien** atau **64 peratus berjaya mencapai skor kriteria mengekalkan kepulihan**.
21. Sungguhpun peratusan ini tidak melepasi paras 70 peratus seperti yang disasarkan, kadar 64 peratus ini dikira satu pencapaian yang agak baik bagi proses merawat pulih klien komuniti semasa tempoh PKP.
22. AADK juga turut berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan pada tahun 2021 iaitu untuk menghijaukan **16 Kawasan Berisiko Tinggi (KBT)**. Justeru itu, pada tahun 2022, AADK menyasarkan penghijauan

*Lebih Baik Cegah*

#DadahTerkawal2025



WWW.ADK.GOV.MY



AGENSINTIDADAHKEBANGSAANMALAYSIA



AADK.MALAYSIA



AADKMALAYSIA



MRAADK

HOTLINE AADK

03-8911 2233

019 626 2233

sebanyak **39 KBT lagi**. Sebanyak 155 KBT telah dikesan di seluruh negara dan **perlu dihijaukan** bagi tempoh 2021 sehingga 2025.

### **Warga AADK sekalian,**

23. Meskipun banyak rintangannya, AADK telah berjaya melaksanakan satu model rintis **Mobile Recovery Treatment (MRT)** di Penjara Kajang. MRT ini akan dijadikan satu saluran baharu perkhidmatan merawat pulih klien di luar premis AADK berasaskan Model i-Pulih AADK mulai tahun 2022. Tahniah Team MRT AADK.
24. AADK juga telah berjaya mewujudkan perkhidmatan **rawat pulih** bagi **klien dual diagnosis di PUSPEN Kota Tinggi** berikutan penutupan sementara PUSPEN Tampoi bagi memberikan laluan kepada kerja-kerja pembinaan fasiliti baharu di kawasan tersebut.
25. Berikutan hasil pengalaman di PUSPEN Kota Tinggi, mulai tahun 2022, perkhidmatan rawat pulih bagi klien *dual diagnosis* akan dikembangkan mengikut zon terlebih dahulu dan **diperluaskan** di setiap PUSPEN di seluruh negara secara berperingkat-peringkat pada tahun berikutnya.
26. Rawatan dan pemulihan bagi klien *dual diagnosis* juga diperkenalkan di AADK Daerah Mersing bagi klien dalam komuniti AADK. Pendekatan inovatif melalui sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan oleh AADK bagi melaksanakan perkhidmatan ini adalah satu langkah terpuji dan **wajar diikuti** oleh semua Ketua AADK Daerah di seluruh negara.

*Lebih Baik Cegah*

**#DadahTerkawal2025**



WWW.ADK.GOV.MY



AGENSIA NTIDADAH KEKABANGSAAN MALAYSIA



AADK.MALAYSIA



AADK MALAYSIA



MIRAADK

HOTLINE AADK

03-8911 2233

019 626 2233

27. Sehubungan itu, AADK perlu merawat pulih semua klien sehingga habis tempoh rawatan. Semua fasiliti AADK **tidak dibenarkan sama sekali** menolak atau enggan menerima klien ataupun mengeluarkan klien dari fasiliti AADK atas alasan kesihatan.
28. Tidak ada seorang pun warganegara Malaysia yang boleh dinafikan haknya untuk menerima perkhidmatan yang disediakan oleh AADK. Jika perkara ini berlaku, tindakan tegas akan diambil ke atas pegawai atau kakitangan tersebut.

### **Warga AADK sekalian,**

29. Sepanjang tahun 2021, AADK juga telah menyelesaikan dua tugas penting iaitu menyiapkan **Cadangan Penyusunan Semula dan Pemantapan Struktur dan Pentadbiran AADK** dan **Cadangan Draf Rang Undang-Undang Penyalahgunaan Dadah dan Substan**.
30. Kedua-dua cadangan ini telah dikemukakan untuk pertimbangan pihak Kementerian. Marilah kita memanjatkan doa agar kedua-dua cadangan ini mendapat persetujuan pihak-pihak berkuasa melulus dan dapat dilaksanakan secepat yang mungkin.
31. Selain daripada itu, perbelanjaan peruntukan mengurus AADK bagi tahun 2021 mencapai 97.82 peratus. Prestasi perbelanjaan PTJ terendah ialah 86.58 peratus dan yang tertinggi ialah 99.75 peratus.

*Lebih Baik Cegah*

#DadahTerkawal2025



WWW.ADK.GOV.MY



AGENSINTIDADAHKEBANGSAANMALAYSIA



AADK.MALAYSIA



AADKMALAYSIA



MRAADK

HOTLINE AADK

03-8911 2233

019 626 2233



Tahniah dan terima kasih kepada semua PTJ atas usaha untuk melaksanakan program dan aktiviti di bawah peruntuk mengurus ini.

32. Sungguhpun demikian, PTJ yang pencapaian perbelanjaannya di bawah 95 peratus perlu memperbaiki prestasi masing-masing pada tahun 2022 ini.
33. Untuk itu, perlu diingatkan bahawa perolehan rutin dan *one-off* perlu diselesaikan sebelum suku pertama tahun 2022 berakhir. Semua program dan aktiviti perlu dilaksanakan mengikut ketetapan di bawah Perancangan Perolehan Tahunan yang telah diluluskan oleh Pegawai Pengawal.

### **Warga AADK sekalian,**

34. Pada tahun 2021, PUSPEN Muar dan PUSPEN Sepang telah dilanda banjir besar. PUSPEN Sepang mengalami kesan yang teruk akibat banjir pada 16 Disember 2021 ini.
35. Selain daripada kedua-dua fasiliti ini, Kediaman 210 warga AADK di Lembah Kelang, Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Perak dan Kelantan turut dilanda musibah banjir. Seluruh warga AADK amat bersimpati dan mendoakan semoga Allah SWT memberikan kesabaran dan ketabahan dengan ujian ini.

*Lebih Baik Cegah*

#DadahTerkawal2025



WWW.ADK.GOV.MY



AGENSINTIDADAHKEBANGSAANMALAYSIA



AADK.MALAYSIA



AADKMALAYSIA



MRAADK

HOTLINE AADK

03-8911 2233

019 626 2233

36. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada warga AADK dan sukarelawan Skuad Antidadah AADK yang turut sama menyumbang dana, masa dan tenaga membantu mangsa-mangsa banjir di beberapa negeri yang dilanda banjir pada pertengahan Disember 2021 termasuk kerja-kerja pembersihan dan pemulihan di PUSPEN Sepang.
37. Warga AADK juga turut menyertai **Misi Pembersihan Sektor 4 Secara Bersepadu Peringkat Kementerian Dalam Negeri** mulai 30 Disember 2021. AADK menghantar seramai 20 orang pegawai setiap hari bagi menganggotai Pasukan KDN untuk kerja-kerja pembersihan di kawasan Taman Ser Nanding, Hulu Langat, Selangor.
38. Solidariti warga AADK membantu rakan-rakan lain dan juga orang awam yang dilanda musibah adalah lambang perpaduan AADK. Saya amat menghargainya. Semoga Allah SWT membalas kebaikan ini.

### **Warga AADK sekalian,**

39. Selain daripada usaha di peringkat dalam negara, AADK juga terus memperhebatkan kerjasama dalam di peringkat antarabangsa. Pelbagai program kerjasama telah diselaraskan dan dianjurkan oleh AADK.
40. AADK telah menyelaras 16 mesyuarat, lima bengkel perkongsian data, dan lapan program latihan peringkat serantau dan antarabangsa sama ada yang dijalankan secara tahunan mahupun melalui jemputan.

*Lebih Baik Cegah*

#DadahTerkawal2025



WWW.ADK.GOV.MY



AGENSINTIDADAHKEBANGSAANMALAYSIA



AADK.MALAYSIA



AADKMALAYSIA



MIRAADK

HOTLINE AADK

03-8911 2233

019 626 2233

Seramai 70 pegawai AADK telah menyertai pelbagai program antarabangsa seperti mesyuarat, program latihan, persidangan dan bengkel sepanjang tahun 2021.

41. Pada tahun 2021 juga, hubungan baik antara AADK dengan agensi antidadah di negara-negara ASEAN turut diperkukuhkan dengan mesyuarat *bilateral* yang dilakukan secara telesidang. AADK juga telah melaksanakan lima siri *Webinar on Drug Treatment Training for ASEAN Member States* dengan penyertaan aktif daripada negara Indonesia, Thailand dan Myanmar.

#### **Warga AADK sekalian,**

42. Mulai tahun 2021, AADK telah menyusun semula penghebahan maklumat dan berita melalui platform media sosial. **AADK TV** telah dimantapkan lagi dengan melancarkan 7 segmen rancangan iaitu **Berita AADK, Hi AADK, Khabar Dari PTj, Selami Jiwa Kami, Lebih Baik Cegah, Ask Mr. AADK** dan **Bicara AADK**.
43. Setakat hari ini, AADK TV mempunyai **10,700 pelanggan**. Walaupun jumlah penonton masih belum memberangsangkan, saya amat berharap platform ini akan dapat digunakan oleh warga AADK untuk menyalur dan mendapatkan berita-berita terkini mengenai aktiviti-aktiviti AADK di serata tanah air. Oleh itu, sumbangan kandungan menarik daripada AADK Negeri, PLAK dan PUSPEN perlu ditingkatkan lagi.

*Lebih Baik Cegah*

#DadahTerkawal2025



WWW.ADK.GOV.MY



AGENSINTIDADAHKEBANGSAANMALAYSIA



AADK.MALAYSIA



AADKMALAYSIA



MIRAADK

HOTLINE AADK

03-8911 2233

019 626 2233

44. Saya mennyeru semua warga AADK melanggan dan mempromosi AADK TV serta mengikuti segmen-segmen rancangan yang disediakan. Jangan bersaing, jadikan AADK TV ini sebagai **saluran perdana** AADK untuk menyalurkan maklumat dan berita.

## PERMASALAH PENYALAHGUNAAN DADAH GLOBAL

### Warga AADK sekalian,

45. Situasi permasalahan dadah semakin mencabar. ***World Drug Report 2021*** menjangkakan bahawa jumlah penagih dadah akan meningkat sebanyak 11 peratus menjelang tahun 2030. Ini selaras dengan peningkatan jumlah penduduk dunia. Selain itu, dianggarkan juga dalam tempoh 10 tahun akan datang, jumlah penagih dadah adalah seramai 299 juta orang.
46. Menurut ***The European Drug Report 2021*** pula, permasalahan dadah terus mengancam negara-negara Eropah dengan kemasukan dan produksi dadah yang tidak terkawal. Ini secara tidak langsung menjejaskan kesihatan dan keselamatan masyarakat di benua tersebut.
47. Sementara itu, ***The Seventh ASEAN Ministerial Meeting on Drug Matters*** (7th AMMD) yang diadakan pada 14 Oktober 2021 di Phnom

*Lebih Baik Cegah*

#DadahTerkawal2025



WWW.ADK.GOV.MY



AGENSIA TIDAK DADAH KEBANGSAAN MALAYSIA



AADK.MALAYSIA



AADK MALAYSIA



MIRAADK

HOTLINE AADK

03-8911 2233

019 626 2233

Penh, Cambodia menyatakan kebimbangan terhadap trend dan situasi dadah di rantau ini dengan menggariskan sembilan cabaran berikut:

- (i) perubahan *trend* dan pola penawaran dan permintaan dadah;
- (ii) ancaman berterusan akibat pengeluaran dan pengedaran dadah dari Kawasan Segi Tiga Emas;
- (iii) perluasan pasaran dadah sintetik dengan rampasan dadah dalam jumlah yang besar dibuat pada tahun ini;
- (iv) penyeludupan *New Psychoactive Substances* (NPS), bahan kimia tidak dikawal dan pelencongan bahan *precursor* untuk menghasilkan dadah berbahaya terutama di Kawasan Segi Tiga Emas;
- (v) peningkatan sindiket antarabangsa yang bekerjasama dengan sindiket tempatan untuk menyeludup dadah di negara-negara ASEAN;
- (vi) peningkatan pengedaran dadah melalui platform internet;
- (vii) peningkatan penyalah guna dadah akibat tekanan yang disebabkan oleh kerja dan faktor kewangan akibat Pandemik Covid-19;
- (viii) populasi remaja dan belia yang menyalah guna dadah adalah tinggi; dan

*Lebih Baik Cegah*

#DadahTerkawal2025



WWW.ADK.GOV.MY



AGENSINTIDADAHKEBANGSAANMALAYSIA



AADK.MALAYSIA



AADKMALAYSIA



MRAADK

HOTLINE AADK

03-8911 2233

019 626 2233

- (ix) peningkatan bilangan generasi muda yang menunjukkan sikap liberal terhadap penyalahgunaan ganja serta aspek *legalization*.
48. *Trend* dan pola permasalahan dadah dunia seperti yang dinyatakan ini sudah tentu akan mempengaruhi negara kita. Justeru itu, AADK perlu terus komited dalam menyampaikan perkhidmatan melalui program-program pendidikan pencegahan yang inovatif dan kos efektif, meningkatkan kaedah rawatan dan pemulihan yang lebih fleksibel dan mudah diakses oleh orang awam sekali gus melipatgandakan aktiviti-aktiviti pengesanan penyalah guna dan penagih dadah melalui program penguatkuasaan yang tersusun menggunakan maklumat serta penganalisan data yang dibantu oleh teknologi terkini.
49. Dalam situasi yang tidak menentu dan sentiasa berubah sekarang ini dek kerana Pandemik Covid-19, AADK perlu berupaya menyesuaikan perkhidmatan yang ditawarkan mengikut keadaan semasa. Amalan bekerja secara inovatif akan mengurangkan impak Pandemik Covid-19 terhadap klien dan kumpulan sasaran yang menjadi penerima perkhidmatan-perkhidmatan AADK.
50. Oleh itu, semua warga AADK disaran untuk terus peka kepada situasi semasa ini dan berani memperkenalkan kaedah-kaedah baharu yang berkesan namun kos efektif dalam melaksanakan program-program yang telah dirancang sepanjang tahun 2022 bagi mengurangkan tekanan kepada sumber dan aset AADK yang terhad.

*Lebih Baik Cegah*

#DadahTerkawal2025



WWW.ADK.GOV.MY



AGENSIA TIDAH KEKABANGSAAN MALAYSIA



AADK.MALAYSIA



AADK MALAYSIA



MIRAADK

HOTLINE AADK

03-8911 2233

019 626 2233

## HALA TUJU AADK PADA TAHUN 2022

### Warga AADK yang dikasihi,

51. AADK adalah agensi peneraju bagi menangani isu dan permasalahan penagihan dadah dan bahan di Malaysia. Sewajarnya warga AADK mendahului dalam penguasaan pengetahuan, kaedah, kemahiran dan kepakaran bidang teras seperti rawatan dan pemulihan, bidang pendidikan pencegahan dan bidang penguatkuasaan undang-undang bagi mengesan penyalah guna dan penagih dadah di negara ini.
52. Sehubungan itu, untuk tahun 2022 ini, AADK perlu melaksanakan setiap program dan aktiviti berteraskan **10 strategi** berikut:
  - (i) memantapkan tadbir urus organisasi dan integriti pegawai bagi meyakinkan masyarakat bahawa AADK utuh, telus dan adil dalam menjalankan kewajibannya namun tetap beradap dan mesra pelanggan dalam memberikan perkhidmatan kepada klien dan masyarakat Malaysia;
  - (ii) memperluaskan liputan program pencegahan berasaskan **Model i-Cegah AADK** di peringkat daerah menerusi pelbagai platform dan media yang lebih inovatif namun kos efektif bagi meningkatkan kesedaran awam bahawa **dadah masih musuh nombor satu negara. Lebih Baik Cegah;**

*Lebih Baik Cegah*

#DadahTerkawal2025



WWW.ADK.GOV.MY



AGENSINTIDADAHKEBANGSAANMALAYSIA



AADK.MALAYSIA



AADKMALAYSIA



MIRAADK

HOTLINE AADK

03-8911 2233

019 626 2233

- (iii) meningkatkan **pengesanan secara aktif** Orang Yang Disyaki (OYDS) menyalah guna dan menangih dadah di setiap daerah melalui pelaksanaan **Model i-Prihatin AADK** berlandaskan undang-undang semasa bagi membolehkan proses rawat pulih dijalankan sewajarnya dan kepulihan klien dikekalkan sepanjang hayat;
- (iv) memperkukuhkan program rawatan dan pemulihan klien dalam institusi dan program rawatan dan pemulihan klien dalam komuniti berasaskan **Model i-Pulih AADK**;
- (v) memperkenalkan saluran baharu perkhidmatan melalui Model *Mobile Recovery Treatment* i-Pulih AADK (MRT) untuk merawat klien di luar premis dan fasiliti AADK secara teratur dan berstruktur;
- (vi) mengoptimumkan peruntukan mengurus, peruntukan pembangunan dan dana akaun amanah bagi mencapai objektif dan KPI yang telah ditetapkan, membangunkan sumber manusia dan menaik taraf infrastruktur serta fasiliti-fasiliti AADK;
- (vii) meningkatkan kapasiti dan keupayaan pegawai-pegawai AADK bagi melahirkan tenaga kerja mahir, pakar dan professional termasuk program-program pentaulihan secara dalaman oleh PLAK dan melalui badan-badan professional luar;

*Lebih Baik Cegah*

#DadahTerkawal2025



WWW.ADK.GOV.MY



AGENSIA NTIDADAH KE BANGSAAN MALAYSIA



AADK.MALAYSIA



AADK.MALAYSIA



MIRAADK

HOTLINE AADK

03-8911 2233

019 626 2233



- (viii) menggalakkan penyelidikan ilmiah sebagai salah satu tunjang untuk meningkatkan kemahiran dan kepakaran dalam bidang-bidang teras AADK;
- (ix) memperkukuhkan jaringan kerjasama dengan pihak-pihak berkuasa dan badan-badan dunia berkaitan kawalan ke atas dadah dan pada masa yang sama terlibat aktif di peringkat antarabangsa bagi melindungi kepentingan Malaysia; dan
- (x) mengamalkan persekitaran tempat kerja yang bersih, kemas, selamat dan sihat bagi memberikan keseronokan kepada warga AADK untuk bekerja.

### **Warga AADK yang dikasihi;**

- 53. Prestasi keseluruhan AADK dinilai melalui **dua KPI** iaitu **Kadar Penyalahgunaan dan Penagihan Dadah di Malaysia** yang diukur melalui **bilangan kes bagi setiap 100 ribu penduduk** dan juga **Kadar Kepulihan Klien** yang diukur melalui **peratusan kepulihan klien** yang telah menjalani program rawatan dan pemulihan di AADK atau peratusan *relapse* klien tersebut.
- 54. Sasaran bagi Kadar Penyalahgunaan dan Penagihan Dadah di Malaysia pada tahun 2022 adalah sebanyak **450 kes bagi setiap 100 ribu penduduk**. Sehingga Jun 2021, kadarnya adalah **271 kes** dan

*Lebih Baik Cegah*

**#DadahTerkawal2025**



WWW.ADK.GOV.MY



AGENSINTIDADAHKEBANGSAANMALAYSIA



AADK.MALAYSIA



AADKMALAYSIA



MRAADK

HOTLINE AADK

03-8911 2233

019 626 2233

pada tahun 2020 ialah **394 kes**. Sasaran Dadah Terkawal menjelang tahun 2025 adalah sebanyak **400 kes bagi setiap 100 ribu penduduk**.

55. Sasaran bagi Kadar Kepulihan Klien bagi tahun 2022 adalah pada kadar **71 peratus** kepulihan klien yang telah menjalani program rawatan dan pemulihan di AADK atau **29 peratus relapse**.
56. Bagi menyokong kedua-dua KPI tersebut, AADK juga telah menetapkan bahawa bagi tahun 2022, sekurang-kurangnya **90 peratus OYDS di setiap daerah hendaklah ditangkap untuk menjalani rawatan dan pemulihan sama ada di institusi atau di komuniti** dan **setiap PUSPEN perlu mempunyai klien sebanyak 90 peratus daripada kapasitinya pada setiap masa sepanjang tahun**.
57. Justeru itu, berpandukan **10 strategi** yang saya telah nyatakan sebelum ini, semua program dan aktiviti sepanjang tahun 2022 perlu menjurus kepada pencapaian sasaran KPI yang menjadi kayu ukur kepada prestasi keseluruhan AADK.

### **Warga AADK yang dikasihi,**

58. Isu permasalahan dadah dan bahan ini merupakan isu sosial negara. Oleh itu, semua Pengarah AADK Negeri wajar berusaha secara aktif untuk mendapatkan sokongan semua pihak di negeri masing-masing untuk sama-sama terlibat dalam menangani permasalahan tersebut.

*Lebih Baik Cegah*

**#DadahTerkawal2025**



[WWW.ADK.GOV.MY](http://WWW.ADK.GOV.MY)



AGENSINTIDADAHKEBANGSAANMALAYSIA



AADK.MALAYSIA



AADKMALAYSIA



MIRAADK

HOTLINE AADK

03-8911 2233

019 626 2233

59. Penglibatan pelbagai pihak terutama pemimpin komuniti dan NGO setempat akan menampakkan kesepakatan dan solidariti bagi membentaras penyalahgunaan dadah dan substan. Sehubungan itu, semua pengarah negeri juga wajar meningkatkan usaha untuk melibatkan masyarakat mengambil peduli atau dengan kata mudah “**jaga tepi kain**” agar komuniti setempat bebas dari pengaruh dadah.

## PENUTUP

### Warga AADK yang dikasihi;

60. Sebelum saya mengakhiri perutusan tahun baharu ini, sekali lagi saya menyeru setiap warga AADK untuk terus berusaha melahirkan idea-idea yang inovatif bagi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan tiga bidang teras AADK supaya setanding atau lebih baik daripada negara-negara luar.
61. Sebagai penutup kepada perutusan ini, saya mengajak seluruh warga AADK untuk **memulakan tahun baharu 2022 dengan berniat untuk bekerja kerana Allah SWT**, jadikan ia ibadah agar kita dapat bekerja dengan penuh semangat, menyudahkan setiap inisiatif yang telah dirancang bersama dengan lebih berkesan, penuh amanah, dan sentiasa berdoa mengharapkan segala usaha ini dipandu dan diredhai Allah SWT.

*Lebih Baik Cegah*

#DadahTerkawal2025



WWW.ADK.GOV.MY



AGENSIA TIDADAH KE BANGSAAN MALAYSIA



AADK.MALAYSIA



AADK MALAYSIA



MIRAADK

HOTLINE AADK

03-8911 2233

019 626 2233

62. Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabaraktuh.

**#DADAHTERKAWAL2025**

**#LEBIHBAIKCEGAH**

*Lebih Baik Cegah*

**#DadahTerkawal2025**



[WWW.ADK.GOV.MY](http://WWW.ADK.GOV.MY)



AGENSIA NTIDADAH KE BANGSAAN MALAYSIA



AADK.MALAYSIA



AADK MALAYSIA



MIRAADK

HOTLINE AADK

03-8911 2233

019 626 2233